

WARNA PUTIH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADITH: SATU ANALISIS AWAL

(White Colour According To Quran and Prophet Hadith: A Preliminary Analysis)

Monika @ Munirah Abd Razzak

Nik Mohd Zaim Ab Rahim

Nur Asilah Ibrahim

Khadher Ahmad

ABSTRACT

Colour is one element in human life. Colour is a creation that has a secret of its own if it is described and studied its occurrence. This article aimed to collect the verses of the Quran and the Prophet hadith which discuss about white colour. Thus there are twelve verses that deal with white colour and seven from Hadith in al-Kutub al-Sittah. Analysis is done through deductive analysis method to obtain a conclusion that shows association with the matter. The study found that the verses of the Quran were related to the light, happy person on the Day of Resurrection, eye diseases, miracles of Moses, the mountain colour, the colour of drink in heaven and the nature of women in heaven. While specializing in hadith al-Kutub al-Sittah found it focus on five things: light, animals, clothing, skin colour and the colour of milk. Therefore, this study hopes to give guidance and a basis for further study of the colour diversity.

Keywords: Al-Quran, Hadith, Colour, White

ABSTRAK

Warna merupakan salah satu elemen dalam kehidupan manusia. Warna merupakan satu ciptaan yang mempunyai rahsianya yang tersendiri jika iaanya diperhalusi dan diteliti di sebalik kejadiannya. Artikel ini bertujuan untuk mengumpulkan ayat-ayat al-Quran dan hadith Rasulullah SAW yang membicarakan tentang warna putih. Justeru terdapat dua belas ayat yang memperkatakan warna putih dan tujuh hadith di dalam al-Kutub al-Sittah. Analisis dilakukan melalui metode analisis deduktif untuk mendapatkan kesimpulan yang menunjukkan perkaitan dengan perkara tersebut. Hasil kajian mendapati ayat-ayat al-Quran tersebut berkaitan dengan cahaya, muka mereka yang bahagia di Hari Kiamat, penyakit mata, mukjizat Nabi Musa a.s., warna gunung, warna minuman syurga dan sifat wanita syurga. Manakala hadith yang mengkhususkan kepada al-Kutub al-Sittah mendapati ia mengenai lima perkara iaitu cahaya, haiwan, pakaian, warna kulit dan warna susu. Oleh itu, kajian ini diharap memberi panduan dan asas bagi kajian kepelbagaiannya warna seterusnya.

Kata kunci: Al-Quran, Hadith, Warna, Putih.

PENGENALAN

Warna sangat memberi pengaruh dalam sistem kehidupan manusia yang merupakan salah satu di antara anugerah Ilahi yang memberikan sinar kepada alam ciptaan-Nya. Peranan warna dapat dilihat dari pelbagai aspek kehidupan kerana fungsinya yang banyak memberi manfaat kepada manusia. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa warna mempunyai rahsia dan keajaibannya yang tersendiri di samping membuktikan kebijaksanaan Allah Yang Maha Agung dalam setiap ciptaan-Nya.

Persoalannya, apakah warna? Warna jika dirujuk pada *Kamus Dewan* (1994) ialah kesan yang didapati oleh mata daripada cahaya yang dipantulkan oleh benda-benda (dengan gelombang yang berbeza-beza) yang dilihatnya. Selain itu warna menurut *Kamus Dewan* ialah berbagai-bagi dan corak. Sesuai dengan penemuannya, warna sememangnya adalah cahaya yang dipantulkan oleh objek, dalam bentuk pelbagai dan bercorak. Manakala menurut McGraw-Hill Dictionary of Scientific and Technical Terms (2003), warna ditakrifkan sebagai “*General term that refers to the wavelength composition of light, with particular reference to its visual appearance*”. Berdasarkan dua rujukan maksud warna di atas, dapat disimpulkan bahawa warna adalah hasil daripada kepanjangan gelombang cahaya yang berbeza. Panjang ini membuatkannya berbeza antara satu sama lain jika dilihat secara visual. Dengan kata lain, warna

berbeza disebabkan kesan pantulan berbeza yang bergantung kepada panjang gelombang yang dipantulkan.

Istilah warna boleh juga merujuk kepada sifat objek-objek atau bahan-bahan yang ditentukan oleh jenis panjang gelombang yang dipantul, diantar, atau dipancar. Biasanya, hanya ciri-ciri kandungan cahaya yang dapat dikesan oleh manusia diambil kira. Oleh itu, warna juga boleh dianggap sebagai satu fenomena psikologi. Oleh sebab persepsi warna berasal daripada kepekaan sel kon dalam retina yang berbeza-beza terhadap bahagian-bahagian spektrum yang berlainan, warna boleh ditakrifkan melalui tahap perangsangan sel-sel itu oleh panjang gelombang cahaya. Sementara ton warna pula berlaku disebabkan oleh kesan pancaran terang atau gelap sesuatu warna. Ia dihasilkan melalui campuran warna asal dengan putih atau hitam mengikut kadar tertentu. Warna lebih terang jika dicampurkan dengan warna putih. Warna menjadi gelap apabila dicampurkan dengan warna hitam. Jika menggunakan cat air, lebih air dicampurkan untuk mendapatkan warna cerah. Untuk mendapatkan ton warna gelap, warna ditindihkan lapisan demi lapisan. Ton warna merupakan jenis warna yang berguna untuk mencipta ruang dan bentuk tiga dimensi dalam seni tampak.

Selain itu, menurut Hutchings, J. (2004) manusia juga menggunakan warna untuk memanipulasi penampilan peribadi mereka dan alam sekitar. Sebahagian besar daripada penggunaan ini termasuk dalam bidang tradisi lisan dan upacara yang telah diperturunkan dalam keluarga, suku kaum atau kawasan geografi. Imej-imej yang terhasil adalah sebahagian daripada aktiviti-aktiviti budaya yang memberi seseorang perasaan kekitaan dan membuat sesuatu perkara yang betul.

Tambahan pula, dalam bahasa Melayu terdapat banyak kata adjektif warna yang memberi pengertian warna sebagai unsur keterangan. Antara kata adjektif warna yang utama adalah seperti merah, putih, kuning, hijau, hitam, biru, jingga, dan ungu. Di samping itu, untuk melengkapkan jumlah kata adjektif warna, adakalanya kata warna dipinjam daripada bahasa lain ke dalam bahasa Melayu. Antara kata adjektif warna yang dipinjam termasuklah perkataan seperti oren, coklat, dan violet.

SKOP DAN METODOLOGI

Perbahasan dalam artikel ini secara umumnya menumpukan kepada analisis konsep warna menurut perspektif al-Quran dan hadith. Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan data. Kaedah analisis dokumen melibatkan teks yang dikaji iaitu al-Qu'ran dan hadith. Kajian ini secara khusus mengkaji dan menghimpun perkataan

putih yang terdapat di dalam al-Qur'an dan hadith yang berdasarkan *al-Kutub al-Sittah*. Kajian juga turut melibatkan kitab-kitab tafsir dan *sharh* hadith bagi memperoleh makna yang tepat bagi subjek kajian. Data-data yang diperoleh, disemak dan dikelaskan mengikut kategori masing-masing menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Selanjutnya ia digunakan bagi memperjelaskan sesuatu fakta. Pandangan para ulama tafsir dan hadith turut diteliti untuk memantapkan hujah yang dikemukakan. Tegasnya, menerusi dua metode di atas, penulis membuat kesimpulan dan rumusan berkenaan dengan warna putih di dalam al-Qur'an dan hadith.

Di dalam al-Quran, warna disebut secara umum dengan lafaz *lawn*. Ia datang dalam dua bentuk iaitu kata tunggal dan kata jamak (*alwan*). Terdapat tujuh tempat yang memperkatakan tentang warna pada enam ayat. Seiring dengan penemuan sains mengenai warna pelangi yang mempunyai tujuh warna yang bersumberkan dari cahaya putih.

Jadual 1: Perkataan *Lawn* dan *Alwan* di dalam Al-Quran

Bil	Warna	Jumlah perkataan	Jumlah Ayat	Nama Surah dan Nombor Ayat
1	Lawn (kata tunggal)	2	1	Al-Baqarah: 69
2	Alwan (kata jamak)	6	6	Al-Nahl: 13 dan 69, Al-Rum: 22, Fatir: 27 dan 28, Al-Zumar: 21

Selain itu, al-Quran juga menyebut warna-warna bagi menggambarkan sifat tertentu. Ada lapan warna disebut di dalam al-Quran iaitu dimulai dengan warna kuning sebagai warna yang pertama dan warna hijau gelap adalah yang terakhir. Secara tepatnya pada 37 tempat seperti pada jadual di bawah:

Jadual 2: Kepelbagaiannya Warna-warna dalam Al-Quran

Bil	Warna	Jumlah perkataan	Jumlah Ayat
1	Kuning	5	5
2	Putih	12	10
3	Hitam	8	7

4	Hijau	8	8
5	Biru	1	1
6	Merah	1	1
7	Pink	1	1
8	Hijau Gelap	1	1
Jumlah		37	

Walau bagaimanapun, artikel ini hanya akan membincangkan warna putih sebagai topik kajian utama. Warna putih adalah antara warna yang menjadi lambang kesucian kerana perkataan “suci bersih” sinonim dengan warna putih. Ia merupakan warna asas yang belum tercorak dengan warna-warna lain. Disebutkan warna ini melambangkan kesucian dan kemurnian. Dari sudut positifnya, ia memberikan rasa bersih dan segar manakala dari sudut negatif ia memberikan rasa dingin dan tiada kehidupan.

Tambahan pula dalam budaya Hellenistik, Roman, dan Kristian secara umum warna putih adalah warna yang melambangkan keceriaan, kesucian dan seseorang yang tidak bersalah sebagaimana yang dimaklumkan oleh Eliade, M. (1996). Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Kwallek (1996) yang menguji tindak balas daripada 124 orang dewasa terhadap kepelbagaian warna di dalam ruang pejabat mendapatkan, secara keseluruhan ruang pejabat yang berwarna putih dan neutral adalah menjadi pilihan ramai berbanding warna lain. Dalam satu kajian yang sama dengan 675 responden dewasa pula mendapatkan, pilihan untuk warna ruang pejabat adalah krim dan putih. Sementara warna jingga dan ungu dilaporkan warna yang boleh tidak disukai. (Kwallek, Lewis, Lin-Hsiao, & Woodson, 1996).

Sehubungan dengan itu, adalah penting untuk menkaji warna putih khususnya yang terdapat di dalam al-Quran untuk mengetahui signifikan warna tersebut kepada manusia. Setelah mengenal pasti perkataan yang memberi makna putih iaitu abyad di dalam al-Quran, hasilnya pengkaji mendapatkan sejumlah ayat yang memperkatakan tentang warna putih. Secara tepatnya pada sepuluh surah dan jumlah perkataannya adalah dua belas seperti berikut:

Jadual 3: Jumlah surah dan ayat yang mengandungi perkataan abyad

Nama dan nombor surah	Nombor ayat	Perkataan
Al-Baqarah, 2	187	الْأَيْضُ
Ali 'Imran, 3	106	أَيْضُ
Ali 'Imran, 3	107	أَيْضَتْ
Al-A'raf, 7	108	بِيَضَاءٍ
Yusuf, 12	84	وَأَيْضَتْ
Taha, 20	22	بِيَضَاءٍ
Al-Shu'ara', 26	33	بِيَضَاءٍ
Al-Naml, 27	12	بِيَضَاءٍ
Al-Qasas, 28	32	بِيَضَاءٍ
Fatir, 35	27	بِيَضُّ
Al-Saffat, 37	46	بِيَضَاءٍ
Al-Saffat, 37	49	بِيَضُّ
Jumlah	10	12

Selanjutnya, pengkaji telah mengklasifikasikan kedua belas perkataan abyad tersebut kepada tema seperti berikut:

Warna Putih berkaitan Dengan Cahaya Pada Waktu Subuh Atau Terbitnya Fajar Dan Matahari

Pertama: Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah: 187,

... وَكُلُوا وَأَشْرُبُوا حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَيْضُ مِنَ الْحَيْطِ الْأَسْوَدِ مِنَ الْفَجْرِ ...

“...dan makanlah serta minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih (cahaya siang) dari benang hitam kegelapan malam), iaitu waktu fajar...”

Warna Putih berkaitan Dengan Muka Mereka Yang Bahagia Di Hari Kiamat

Iaitu firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran: 106 dan 107,

يَوْمَ تَبَيَّضُ وُجُوهٌ وَسُوْدَ وُجُوهٌ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَتْ وُجُوهُهُمْ أَكْفَرُهُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَذُوقُوا الْعَذَابَ بِمَا كُتُبْتُمْ تَكْفُرُونَ وَأَمَّا الَّذِينَ ابْيَضَتْ وُجُوهُهُمْ فَنَحْنُ رَحْمَةُ اللَّهِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ.

“(Ingatlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri, dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): “Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa neraka disebabkan kekufuran kamu itu”. Adapun orang-orang yang telah putih berseri mukanya, maka mereka berada dalam limpah rahmat Allah (Syurga), mereka kekal di dalamnya.”

Warna Putih berkaitan Dengan Mukjizat Nabi Musa A.S. Iaitu Tangannya Berwarna Putih (Bersinar-sinar)

Pertama: Firman Allah SWT dalam surah al- A‘raf: 108,

وَنَزَعَ يَدَهُ فَإِذَا هِيَ بَيْضَاءٌ لِلنَّاظِرِينَ.

“Dan Nabi Musa mengeluarkan tangannya, tiba-tiba tangannya (menjadi) putih (bersinar-sinar) bagi orang-orang yang melihatnya.”

Kedua: Firman Allah SWT dalam surah Taha: 22,

وَاضْصُمْ يَدَكَ إِلَى جَنَاحِكَ تَخْرُجْ بَيْضَاءٌ مِنْ غَيْرِ سُوءٍ آيَةٌ أُخْرَى

“Dan kepitlah tanganmu di celah lambungmu; nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tidak ada cacat; sebagai satu mukjizat yang lain.”

Ketiga: Firman Allah SWT dalam surah al-Shu‘ara’: 33,

وَنَرَعَ يَدُهُ فَإِذَا هِيَ بِيَضَاءٍ لِلنَّاظِرِينَ

“Dan Nabi Musa mengeluarkan tangannya, tiba-tiba tangannya (menjadi) putih (bersinar-sinar) bagi orang-orang yang melihatnya.”

Keempat: Firman Allah SWT dalam surah al-Naml: 12,

وَأَدْخِلْ يَدَكَ فِي حَيْبِكَ تَخْرُجْ بِيَضَاءٍ مِنْ غَيْرِ سُوءٍ ...

“Dan masukkanlah tanganmu melalui belahan dada bajumu, nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tidak ada cacat...”

Kelima: Firman Allah SWT dalam surah al- Qasas: 32,

اَسْلُكْ يَدَكَ فِي حَيْبِكَ تَخْرُجْ بِيَضَاءٍ مِنْ غَيْرِ سُوءٍ ...

“Masukkanlah tanganmu melalui belahan dada bajumu, nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tiada cacat...”

Warna Putih berkaitan Dengan Penyakit Mata

Iaitu firman Allah SWT dalam surah Yusuf surah: 84,

وَتَوَلَّ عَنْهُمْ وَقَالَ يَا أَسَفَى عَلَى يُوسُفَ وَأَيْضَأَتْ عَيْنَاهُ مِنَ الْحُرْزِنِ فَهُوَ كَظِيمٌ.

“Dan (bapa mereka – Nabi Yakub) pun berpaling dari mereka (kerana berita yang mengharukan itu) sambil berkata: Aduhai sedihnya aku kerana Yusuf, dan putihlah dua belah matanya disebabkan ratap tangis dukacitanya kerana ia orang yang memendamkan marahnya di dalam hati.”

Warna Putih berkaitan Dengan Warna Gunung

Iaitu pada firman Allah SWT dalam surah Fatir: 27,

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْهَرَ جِنَّا بِهِ شَمَرَاتٍ مُخْتَلِفًا الْوَانُهَا وَمِنَ الْجِبَالِ
جُدُدٌ بَيْضٌ وَحُمْرٌ مُخْتَلِفُ الْوَانُهَا وَغَرَابِيبُ سُودٌ.

“Tidakkah engkau melihat bahawa Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Kami keluarkan dengan air hujan itu buah-buahan yang berlainan jenis dan rupanya; dan di antara gunung-ganang pula ada yang mempunyai jalur-jalur serta lorong-lorong putih dan merah, yang berlainan warnanya (tua dan muda) dan ada juga yang hitam legam”

Warna Putih berkaitan Dengan Warna Minuman Syurga

Iaitu pada firman Allah SWT dalam surah al- Saffat: 46,

بِيَضَاءِ لَذَّةِ لِلشَّارِبِينَ.

“Minuman itu putih bersih, lagi lazat rasanya, bagi orang-orang yang meminumnya”

Warna Putih berkaitan Dengan Sifat Wanita Syurga

Iaitu firman Allah SWT dalam surah al- Saffat: 49,

كَانَهُنَّ بِيَضٍ مَّكْنُونٌ.

“(Putih kekuning-kuningan) seolah-olah mereka telur (burung kasuari) yang tersimpan dengan sebaik-baiknya.”

ANALISIS AYAT DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada penjelasan para mufassir berhubung warna putih, dapatlah dirumuskan seperti berikut:

Pertama: Cahaya

Pada ayat 187 dalam surah al-Baqarah, jumhur ulama telah bersepakat bahawa ia menjelaskan tempoh waktu berpuasa dan berbuka iaitu cahaya putih yang kelihatan di ufuk langit. Atau dengan kata lain, ia merujuk kepada waktu fajar yang menandakan siang hari. Oleh itu, perumpamaan benang putih dari benang hitam (kegelapan malam) dalam ayat tersebut menunjukkan bermulanya larangan makan, minum, dan jimak bagi orang yang berpuasa. (al-Qurtubi, t.th.)

Kedua: Warna Muka Orang Yang Bahagia Di Hari Kiamat

Menurut al-Qurtubi, pada hari kiamat nanti, setiap kumpulan manusia akan dipanggil berkumpul kepada apa yang disembahnya. Maka yang tinggal adalah orang mukmin dan orang munafik. Maka Allah bertanya kepada orang mukmin siapakah Tuhan mereka. Lantas mereka menjawab: "Allah SWT adalah Tuhan kami." Maka Allah bertanya lagi adakah kamu mengenali Tuhan kamu?. Mereka menjawab: "Jika Allah memperkenal diriNya maka kami akan mengenaliNya. Maka Allah memerlihatkan dirinya lalu orang mukmin tunduk dan sujud kepada Allah. Maka jadilah muka mereka putih bak salji. Walau bagaimanapun, orang munafik dan ahli kitab tidak mampu untuk sujud. Oleh itu, pada hari kiamat nanti, muka orang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya akan menjadi putih berseri dan mereka gembira bertemu Tuhan mereka. Manakala wajah-wajah orang yang kufur menjadi hitam.

Ketiga: Mukjizat Nabi Musa A.S. Iaitu Tangannya Berwarna Putih (Bersinar-sinar)

Ianya berhubung dengan kemukjizatan Nabi Musa a.s., ketika Allah menyuruh baginda berdakwah kepada Firaun dan kaumnya. Allah telah menganugerahkan Nabi Musa dua mukjizat besar iaitu tongkat menjadi ular dan tangan putih bersinar ketika beliau dalam perjalanan pulang dari Madyan ke Mesir, bagi menghadapi Firaun dan pengikutnya yang fasik. Ibn Abbas menyatakan bahawa tangan Musa seperti cahaya yang terang yang menerangi bumi dan langit. Manakala al-Qurtubi berpandangan tangan Musa seperti salji, apabila dimasukkan semula, ia kembali kepada warnanya yang asal.(al-Qurtubi, t.th.)

Keempat: Penyakit Mata

Dr Wahbah al-zuhayli (1998) menerangkan bahawa sesungguhnya kedua-dua mata Nabi Ya'kub menjadi putih (buta) kerana mengenang anaknya Yusuf. Sebab matanya buta adalah kerana Nabi Ya'kub banyak menangis dan memendamkan rasa marahnya. Sebenarnya hal ini berlaku rentetan peristiwa kehilangan Nabi Yusuf a.s. semasa keluar memburu bersama saudaranya. Pada mulanya Nabi Ya'kub berat hati dan sedih hendak membenarkan Nabi Yusuf dibawa keluar kerana takut anaknya akan dimakan oleh serigala, semasa abang-abangnya lalai. Tetapi perancangan jahat saudara Nabi Yusuf telah menyebabkan baginda terpisah dengan ayahnya Nabi Ya'kub. Mereka telah menunjukkan bukti dengan baju Nabi Yusuf yang berlumuran dengan darah. Walau bagaimanapun, Nabi Yaakub tetap tidak percaya dan mengatakan anak-anaknya berdusta kerana cerita mereka itu tidak masuk akal. Meskipun demikian Nabi Ya'kub hanya bersabar sahaja sambil memohon pertolongan dari Tuhan

semata-mata. Lantaran itu, matanya menjadi buta kerana banyak menangis dan bersangatan sedih.

Kelima: Warna Gunung

Berpandukan ayat 27 surah Fatir, ayat ini dimulakan dengan ungkapan bermaksud ‘Tidakkah engkau melihat’ yang mana al-Qurtubi (t.th.) telah mentafsirkan sebagai mata hati dan pandangan ilmiah seolah-olah ia mambawa maksud ‘Tidakkah sampai pengetahuanmu dan hatimu dapat menyaksikan ...’. Ibn Kathir (2002) pula telah menjelaskan bahawa Allah Ta’ala menyebut ayat ini sebagai memberi peringatan betapa sempurnanya kekuasaan yang dimiliki sehingga dapat mengadakan kepelbagaian di dalam di dalam satu-satu ciptaan, contohnya buah-buahan yang bukan sahaja berlainan warna, bahkan rasa dan baunya juga adalah berbeza. Berkenaan dengan ini al-Shanqiti (2008) menyebut bahawa perbezaan tersebut adalah keajaiban ciptaan yang patut diimani sebagai kekuasaan Allah Ta’ala dan bukan dari hasil kejadian alam secara semulajadi. Sesiapa yang menyangka ia hanyalah peraturan sains alam secara spontan ianya dikira sebagai kekafiran dan kesesatan.

Sebagaimana perbezaan pada buah-buahan, begitu juga dengan warna-warna yang didapati pada lapisan batu-batan di pergunungan dengan menyebut putih, merah dan hitam sebagai contoh. Begitupun setiap warna masih mempunyai kepelbagaian ton yang berlainan dari warna muda hingga ke warna gelap (al-Andalus, 2001). Berkenaan warna-warna ini al-Zamakhshari(t.th) mentafsirkan kepelbagaian ton tersebut hanyalah seperti warna-warna merah dan putih, adapun hitam ianya dikecualikan dari kepelbagaian tersebut.

Manakala menurut pandangan pakar geologi, mereka menyatakan bahawa perbezaan warna gunung adalah disebabkan oleh perbezaan bahan yang menyusun bebatuannya. Maka, gunung yang terdiri dari besi warnanya menjadi merah pekat, gunung yang terdiri dari mangan warnanya menjadi hitam, dan gunung yang terdiri dari logam warnanya menjadi kuning dan sebagainya. Bukan itu saja, tapi juga disebabkan oleh apa yang disebut dengan peleburan yang menembus beberapa tempat dan kedalaman yang berbeza di atas permukaan bumi. Maka, proses ini akhirnya menghasilkan bahan dan warna gunung yang berbeza. Inilah penemuan yang telah dikemukakan berdasarkan pembahasan pakar geologi mutakhir ini. (Z. R. El-Najjar, 2003)

Keenam: Warna Minuman Syurga

Ayat 32 surah al-Qasas ini merujuk kepada nikmat yang diperolehi oleh mereka yang ikhlas dalam beribadah kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah telah menyediakan ganjaran yang besar bagi mereka. Antara nikmat-nikmat tersebut ialah mendapat rezeki yang tidak kehabisan,

buah-buahan dan minuman syurga yang lazat. Menurut al-Qurtubi (t.th.), putih yang dimaksudkan dalam ayat tersebut ialah sifat yang ada pada gelas syurga. Ianya khusus untuk diisi dengan minuman arak yang ada di dalam syurga. Dikatakan bahawa arak tersebut sangat putih dari susu, sangat lazat, tidak memeningkan dan tidak menyebabkan seseorang sakit. Maka begitulah gambaran yang diberikan Allah bahawa sifat minuman syurga adalah putih dan disifatkan ia dengan warna arak dan gelasnya.

Ketujuh: Sifat Wanita Syurga

Sementara pada ayat 49 surah al- Saffat, ia mengenai sifat bidadari syurga. Dengan merujuk kepada ayat sebelumnya, dapatlah difahami dengan lebih jelas iaitu firman Allah: "Di sisi mereka ada bidadari-bidadari yang tidak liar pandangannya dan jeli matanya, seakan-akan mereka adalah telur burung unta yang tersimpan dengan baik." Maksud Qasiratut al-Tarf adalah 'afifat, iaitu wanita-wanita yang menjaga kehormatan diri. Mereka tidak memandang lelaki selain suami mereka. Demikian menurut pandangan Ibnu Abbas, Mujahid, Zaid bin Aslam, Qatadah, al-Suddi, dan selainnya. Mata mereka bagus, indah, lebar, dan bersinar. Manakala tubuh mereka pula bersih dan indah dengan kulit yang bagus. Ibnu Abbas r.a berkata, "Mereka ibarat mutiara yang tersimpan." Al-Imam al-Hasan al-Basri pula mengatakan, "Mereka terjaga, tidak pernah disentuh oleh tangan." Ibn Kathir (2002)

ANALISIS HADITH-HADITH TENTANG WARNA PUTIH DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH

Selanjutnya ialah pengkajian warna putih mengenai hadith yang terdapat dalam *al-Kutub al-Sittah* pula mencakupi tema cahaya, haiwan, pakaian, warna rambut dan susu. Maka, dalam menjelaskan hadith-hadith yang menyebutkan warna putih dan kaitannya dengan tema tersebut, penelitian dalam kitab-kitab syarah dilakukan bagi memahami hadith dengan lebih mendalam. Secara amnya, warna putih turut memberikan fungsinya yang tertentu dalam kehidupan. Putih juga sering dijadikan lawan bagi warna hitam kerana warna putih digunakan untuk mewakili yang positif sebaliknya warna hitam mewakili negatif. Begitu juga dengan watak seseorang, seseorang yang baik akhlaknya akan disimbolikkan dengan watak putih. Sherman G. D. & Clore L. G (2009)

Berdasarkan penelitian dalam *al-Kutub al-Sittah*, terdapat dua hadith yang menceritakan perihal warna putih yang berkaitan dengan cahaya. Hadith ini menggambarkan cahaya dengan "benang putih" dan "tumbuhan yang berada dibawah teduh cahaya matahari berwarna

putih". Selain itu juga, terdapat dua hadith yang menjelaskan tentang haiwan yang digambarkan dengan "*haiwan tunggangan putih*", dan "*sapi jantan putih*". Hadith-hadith yang seterusnya setiap satunya menyebutkan tentang pakaian, rambut dan susu yang berwarna putih. Pengkaji menyenaraikan kesemua hadith yang memberikan gambaran warna putih berdasarkan temanya serta menyebutkan taburannya dalam *al-Kutub al-Sittah*.

Hadith Berkaitan Dengan Cahaya

Pertama: Hadith yang menyebutkan tentang perbuatan sahabat yang meletakkan tali hitam dan putih di bawah bantalnya berdasarkan ayat 187 Surah al-Baqarah, lalu Rasulullah menjelaskan bahawa yang dimaksudkan ayat tersebut adalah gelapnya malam dan terangnya siang.

عَنْ عَدِيٍّ بْنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: لَمَّا نَزَلَتْ: {حَتَّىٰ يَبْيَسَنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَيْضُ مِنَ الظُّلْمَاءِ} [البقرة: 187] عَمَدْتُ إِلَى عِقَالٍ أَسْوَدَ، وَإِلَى عِقَالٍ أَيْضَنَ، فَجَعَلْتُهُمَا تَحْتَ وِسَادَتِي...“

Maksudnya: Daripada ‘Adi bin Hatim r.a berkata: ketika turun ayat 187 surah al-Baqarah: (“..hingga terang bagi kalian benang putih dari benang hitam”), maka aku mengambil tali (tali serban) hitam dan tali putih lalu aku letakkan di bawah bantalku ...” (al-Bukhari, 2000)

Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini dalam Kitab Puasa, bab بَابُ قُولِ اللَّهِ تَعَالَى: {وَكُلُوا وَاشْرُبُوا حَتَّىٰ يَبْيَسَنَ لَكُمُ الْخَيْطُ الْأَيْضُ مِنَ الظُّلْمَاءِ} [187] (الأسود من الفجر ثم أتموا الصيام إلى الليل) [البقرة: 187] yang bermaksud “*makan dan minumlah sehingga terang bagi kamu benang putih dari benang hitam dari waktu fajar, kemudian sempurnakanlah puasa sehingga ke waktu malam.*” Hadith ini juga terdapat dalam Kitab Tafsir al-Quran yang membawa intipati yang sama tetapi matannya sedikit berbeza. (al-Bukhari, 2000)

Al-Ayni (2001) menyebut bahawa bab ini menerangkan firman Allah sebagai ucapan kepada muslimin di mana mereka ditegah makan dan minum selepas waktu malam dan diterangkan penghujung waktu makan adalah sebagaimana maksud ayat “*sehingga terang bagi kamu benang putih dari benang hitam*”. Allah mengharuskan makan dan minum pada waktu malam yang dikehendaki sehingga terangnya cahaya pada waktu subuh dari gelapnya malam. Beliau memetik pandangan al-Zamakhsyari bahawa benang putih bermaksud suatu permulaan yang terlihat dari waktu fajar yang melintang di ufuk langit seperti benang yang panjang

manakala benang hitam adalah apa yang memanjang bersamanya dari baki atau penghujung waktu malam. Kedua-dua waktu tersebut diumpamakan dengan kedua-dua benang iaitu putih dan hitam yang membawa maksud terangnya fajar dan gelapnya malam. Ibn Hajar menjelaskan bahawa maksud “terangnya siang dari gelapnya malam” dengan terbit fajar *Sadiq* yang menunjukkan ianya selepas fajar pada waktu siang. Begitu juga kata Abu ‘Ubaid ia adalah fajar *Sadiq* (Ibn Hajar, 2001).

Dari sudut pandangan ahli fiqh, *Fajar Sadiq* adalah waktu subuh sampai matahari terbit (syuruk). Fajar inilah yang melibatkan hukum-hukum puasa. *Fajar Sadiq* ialah terlihatnya cahaya putih yang melintang mengikut garis lintang ufuk di sebelah Timur akibat pantulan cahaya matahari oleh atmosfera (Ibn Hajar, 2001). Hal ini bertepatan dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas bahawa terdapat dua fajar, iaitu fajar yang diharamkan makan bagi orang yang berpuasa dan dibolehkan solat, dan fajar yang diharamkan solat subuh dan dibolehkan makan. (al-Naysaburi, 1997)

Kedua: Hadith yang menyebutkan tentang ahli-ahli neraka yang dikeluarkan diibaratkan seperti tumbuhan kecil di sela-sela batu atau pohon, di mana bagian yang terkena sinar matahari akan berwarna sedikit kuning dan hijau, sedangkan yang berada di keteduhan menjadi putih

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ، قَالَ: قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ نَرَى رَبَّنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ؟ قَالَ: «هَلْ تُضَارُونَ فِي رُؤُسِ النَّمَاءِ وَالْقَمَرِ إِذَا كَانَتْ صَحُونًا؟... قَدْ رَأَيْتُمُوهَا إِلَى جَانِبِ الصَّخْرَةِ، وَإِلَى جَانِبِ الشَّجَرَةِ، فَمَا كَانَ إِلَى الشَّمْسِ [ص:131] مِنْهَا كَانَ أَخْضَرَ، وَمَا كَانَ مِنْهَا إِلَى الظَّلَّ كَانَ أَيْضًا... »

Maksudnya: Daripada Abu Sa‘id al-Khudri berkata Bahwa kaum muslimin pada masa Rasulullah saw. bertanya: Wahai Rasulullah, apakah kami dapat melihat Tuhan kami di hari kiamat? Rasulullah saw. bersabda: Ya! Kemudian beliau melanjutkan: Apakah kalian terhalang melihat matahari di siang hari yang cerah dan bulan purnama yang tidak ada awan sedikit pun? ... Bukankah kalian sering melihat tumbuhan kecil di sela-sela batu atau pohon, di mana bagian yang terkena sinar matahari akan berwarna sedikit kuning dan hijau, sedangkan yang berada di keteduhan menjadi putih... (al-Bukhari, 2000).

Hadith ini merupakan potongan daripada hadith yang panjang di mana ia mengisahkan mengenai pertanyaan para sahabat adakah Allah boleh dilihat pada hari Kiamat. Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini dibawab

bab iaitu “bab fi man Allah :pada hari akhirat, maka (orang-orang beriman berseri-seri melihat kepada Tuhan mereka” dan Imam Muslim juga meriwayatkannya di bawah bab (). Bab مَعْرِفَةُ طَرِيقِ الرُّؤْيَا (Ibn Hajar mensyarahkan pada firman Allah ini bahawa pada hari tersebut wajah mereka putih berseri dan suci melihat wajah Allah setiap hari (Ibn Hajar, 2001).

Dalam hadith ini terdapat penjelasan Rasulullah kepada para sahabat bahawa Allah mengeluarkan ahli neraka lalu dimasukkan ke dalam syurga. Rasulullah SAW menyimpulkan keadaan mereka selepas dikeluarkan dari neraka seumpama tumbuhan kecil keluar dari lumpur banjir sebagaimana tumbuhan kecil di celah-celah batu atau pohon. Bahagian yang terkena sinar matahari akan berwarna sedikit kuning dan hijau, sedangkan yang berada di keteduhan menjadi putih dan mereka keluar bagaikan mutiara yang berwarna putih. Dijelaskan juga pernyataan Rasulullah SAW ini mengisyaratkan bahawa dikalangan mereka yang merupakan ahli syurga akan jelas keputihannya. Manakala ahli neraka pula lambat terserlah keputih-putihan pada mereka. Mereka kekal dengan kekuningan dan kehijauan sehingga mereka keluar dengan wajah putih bersih. Bagaimanapun, mereka merasai nikmat keelokan, cahaya dan kebaikan yang sama. Kemungkinan juga mereka yang terawal disiram dengan air akan segera menjadi putih bersih manakala yang terakhir akan lambat mengalaminya tetapi mereka tetap mendapat keadaan yang sama (Lashen, M.S. 2002).

Hadith Berkaitan Dengan Haiwan

Pertama: Hadith yang menyebutkan tentang peristiwa Rasulullah SAW diberikan haiwan tunggangan putih yang bernama al-Buraq ketika peristiwa Isra’ Mi’raj.

عَنْ مَالِكِ بْنِ صَعْصَعَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَبْنَا أَنَا عِنْدَ الْيَتِيمِ بَيْنَ النَّائِمِ، وَالْيَقْطَانِ... وَأُتْبِتُ بِدَابَّةً أَيْضَنَ، دُونَ الْبَعْلِ وَفَوْقَ الْحِمَارِ الْبُرَاقُ، فَأَنْطَلَقْتُ مَعَ جِبْرِيلَ حَتَّى أَتَيْنَا السَّمَاءَ الدُّنْيَا..." (الْحَدِيثُ)

Maksudnya: daripada Malik bin Sa’sah r.a berkata, Nabi SAW bersabda: ketika aku berada di sisi Baitullah antara tidur dan sedar, ... kemudian aku diberi seekor haiwan tunggangan putih yang lebih kecil daripada baghal (haiwan kacukan daripada himar jantan dan kuda betina) namun lebih besar berbanding keldai bernama al-

Buraq. Maka aku berangkat bersama Jibril a.s hingga sampai di langit dunia (al-Bukhari, 2000).

Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini dibawah bab *Zikr al-Malaikat*. Hadith yang sama juga diletakkan oleh al-Bukhari dalam kitab al-Manaqib, dibawah bab al-Mi 'raj. Kaitan hadith ini dengan bab tersebut adalah jelas kerana di dalamnya disebut Jibril secara jelas dan nyata bahawa Jibril merupakan penghulu Malaikat dan mereka merupakan Malaikat yang mulia (Al-'Ayni, 2001). Hadith di atas adalah satu peristiwa di mana Rasulullah menceritakan bahawa beliau didatangi Malaikat Jibril yang membelah dadanya kemudiannya diberi seekor haiwan tunggangan putih bernama al-Buraq menuju kelangit dunia.

Menurut pakar bahasa, al-Buraq adalah sejenis binatang yang ditunggangi Rasulullah pada malam Isra'. Kata Ibn Duraid ia merupakan kata pecahan dari "al-Barq" iaitu kilat kerana kelajuannya. Dikatakan dinamakan Buraq kerana sangat kuat sifatnya, berseri-seri warnanya dan berkilat. Dikatakan juga keadaannya putih. al-Qadi 'Iyad berkata kemungkinan Buraq mempunyai dua warna. Dikatakan ia seperti "شَاءَ بِرْ قَاءُ" (biri-biri kilat) jika dilihat pada bulunya yang putih terdapat tompok-tompok warna hitam. Selain itu juga, ia disifatkan dengan warna putih dalam hadith kerana kemungkinan ia terjadi daripada sejenis biri-biri kilat yang mana ianya terbatas dengan warnanya yang putih (al-Nawawi, 1929). Al-'Ayni (2001) pula menyatakan bahawa keadaannya yang berwarna putih kerana ia adalah antara warna yang asas dan asli ataupun ianya merupakan warna kesukaan Rasulullah SAW kerana beliau menyukai warna putih. (Ibn Hajar, 2001). Beliau juga menyebut pandangan Ibn Abi Khalid dalam kitabnya bahawa al-Buraq bukanlah jantan atau betina, dan wajahnya seperti wajah insan, manakala jasadnya seperti kuda, tegaknya seperti tegaknya lembu jantan, dan ekornya seperti ekor kijang (al-Nawawi, 1929).

Kedua: Hadith yang menyebutkan tentang firman Allah kepada Nabi Adam bahawa setiap dari seribu, sembilan ratus sembilan puluh akan masuk ke neraka. Lalu sahabat bertanyakan. Rasulullah SAW mengenai hal ini seterusnya Rasulullah SAW mengibaratkan bahawa keberadaan mereka di hadapan manusia kelak ibarat bulu hitam pada kulit sapi jantan putih.

وَفِي حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: «مَا أَئْتُمْ فِي النَّاسِ إِلَّا كَالشَّعْرَةِ السَّوْدَاءِ فِي جَلْدِ ثُورٍ أَيْضًا، أَوْ كَشَعْرَةِ يَبْصَاءَ فِي جَلْدِ ثُورٍ أَسْوَدَ»

Maksudnya: Daripada Abu Sa‘id al-Khudriy r.a, daripada Nabi SAW bersabda: “Allah Ta‘ala berfirman: “Wahai Adam”. Nabi Adam a.s menjawab: “Labbaika, kemuliaan milik-Mu dan segala kebaikan berada ditangan-Mu”. ... Lalu beliau bersabda: “Tidaklah keberadaan kalian di hadapan manusia melainkan bulu hitam pada kulit sapi jantan putih atau bagaikan bulu putih yang ada pada pada kulit sapi jantan hitam (al-Bukhari, 2000).

Hadith ini dikeluarkan oleh al-Bukhari di bawah bab (بَابُ قِصَّةِ كَوْنٍ). Ia juga dikeluarkan oleh Muslim dalam bab (بَابُ كَوْنٍ يَأْجُوجَ وَمَاجُوجَ). Hadith di atas menceritakan firman Allah kepada Nabi Adam a.s berkenaan utusan neraka yang akan dikeluarkan. Para sahabat yang mendengar bahawa dari setiap seribu, sembilan ratus sembilan puluh sembilan dimasukkan ke neraka bertanyakan tentang hal tersebut. Lalu Rasulullah menyatakan bahawa dari kalangan mereka hanyalah satu sedangkan sembilan ratus sembilan puluh Sembilan dari Ya’juj dan Ma’juj. Rasulullah SAW turut berharap agar umat Islam adalah diantara seperempat ahli syurga, kemudiannya menyebut sepertiga dan setengah ahli syurga. Seterusnya Rasulullah mengibaratkan keberadaan mereka di hadapan manusia seumpama bulu hitam pada kulit sapi jantan putih atau bulu putih yang ada pada kulit sapi jantan.

Al-‘Ayni (2001) mensyarahkan hadith ini dengan menyatakan ketika mana Allah berfirman kepada Adam a.s, tentang perintah mengeluarkan utusan neraka, anak-anak kecil menjadi beruban merupakan satu kiasan yang menunjukkan dahsyatnya kejadian tersebut. Musa Shahin Lashin (2002) dalam kitab syarahnya *Fath al-Mun‘im* menyebut bahawa Rasulullah SAW menyuruh para sahabat supaya bergembira kerana sedikitnya bilangan umat Islam dalam kalangan orang kafir yang akan dimasukkan ke neraka seperti bulu hitam pada kulit sapi jantan putih atau bulu putih yang ada pada kulit sapi jantan. Ucapan ini merupakan kinayah yang menunjukkan sedikitnya bilangan orang Islam jika dinisbahkan dengan umat-umat selain mereka.

Hadith Berkaitan Dengan Pakaian

Pertama: Hadith yang menyebutkan tentang Rasulullah yang mengenakan baju putih semasa baginda sedang tidur pada waktu Abu Dhar menemui beliau.

عَنْ يَحْيَى بْنِ يَعْمَرَ، عَنْ أَبِي ذِرٍّ، قَالَ: "أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ ثُوْبٌ أَبْيَضٌ، وَهُوَ نَائِمٌ" ...

Maksudnya: Daripada Yahya bin Ya'mar dia menceritakan kepadanya bahawa Abu Dhar r.a telah menceritakan kepadanya, dia berkata: “Saya pernah menemui Nabi SAW sementara beliau sedang tidur sambil mengenakan baju putih, lalu aku datang menemuinya dan beliau pun terbangun... (al-Bukhari, 2000).”

بَابُ الشَّيَابِ (بَابُ مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَحَلَ)

Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini dibawah bab **بابُ الشَّيَابِ** (بَابُ مَنْ مَاتَ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا دَحَلَ) iaitu pada bab pakaian putih. Ia turut dikeluarkan oleh Imam Muslim dan diletakkan di bawah bab **بابُ مَنْ مَاتَ كَمْسُرِكًا دَخَلَ النَّارَ** iaitu bab sesiapa yang mati dalam keadaan tidak mensyirikkan Allah akan masuk syurga, dan sesiapa yang mati dalam keadaan mushrik akan masuk neraka. Hadith ini mengisahkan tentang ucapan Rasulullah SAW bahawa seseorang yang mati dengan mengucapkan syahadah akan masuk syurga walaupun ia pernah berzina dan mencuri. Hal ini adalah ketika Abu Dhar datang menemuinya sementara baginda sedang tidur dengan berpakaian putih.

Al-'Ayni (2001) menyatakan pada bab ini disebutkan pakaian putih kerana ia merupakan sebaik-baik pakaian dan juga pakaian para malaikat yang menolong Rasulullah SAW pada hari perang Uhud dan selainnya. Rasulullah SAW memakai pakaian putih dan menggalakkan untuk memakainya serta baginda juga memerintahkan untuk mengkafangkan mayat dengan pakaian putih berdasarkan hadith sahih daripada riwayat Ibn 'Abbas.

Dalam konteks pakaian putih kesukaan Rasulullah SAW dalam hadith riwayat Ibn 'Abbas, Abi al-Tayyib Muhammad Shams al-Haq dalam kitabnya 'Aun al-Ma'bud menyatakan warna ini adalah sebaik-baik pakaian kerana kebiasaannya menunjukkan kepada rasa tawadu', tidak takbur, tidak bangga, dan tidak 'ujub dengan pakaian itu. Selain itu juga, ia menjadi petunjuk kepada keseluruhan akhlak yang baik (Al-Allamah, 1968). Kesimpulannya warna putih merupakan warna yang membawa satu personaliti dan ciri-ciri yang baik pada individu yang memakainya. Justeru itu, Rasulullah SAW amat menyukai warna ini dan menggalakkan umatnya untuk memakai pakaian putih.

Hadith Berkaitan Warna Rambut dan Susu

Pertama: Hadith yang menyebutkan tentang sahabat iaitu Abu Juhaifah r.a yang melihat Hasan bin ‘Ali iaitu cucu baginda mempunyai ciri-ciri yang mirip dengan Rasulullah SAW, antaranya berambut putih.

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي خَالِدٍ، قَالَ: سَمِعْتُ أَبَا جُحَيْفَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ الْحَسَنُ بْنُ عَلَيٍّ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ يُشَبِّهُهُ، قُلْتُ لِأَبِي جُحَيْفَةَ صِفَةُ لَيِّنِي، قَالَ: " كَانَ أَيْضَ، قَدْ شَمَطَ..."

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Isma‘il bin Abu Khalid berkata: Aku mendengar Abu Juhaifah r.a berkata: aku pernah melihat Nabi SAW dan Hasan bin ‘Ali a.s sangat mirip dengan beliau”. Aku katakan kepada Abu Juhaifah: “Cuba ceritakan ciri-ciri sifat beliau kepadaku!”. Abu Juhaifah berkata; “Baginda berambut putih dan sudah banyak yang beruban...”(al-Bukhari, 2000).

Imam al-Bukhari meletakkan hadith ini di bawah bab (بَابُ صِفَةِ) iaitu bab sifat Nabi SAW. Hadith ini juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dan al-Tirmidhi dengan lafaz yang sedikit berbeza iaitu (أَيْضَ، قَدْ شَابَ). Hadith di atas menceritakan mengenai Hasan yang mirip Rasulullah dari segi sifatnya. Dijelaskan juga bahawa Rasulullah telah memerintahkan untuk memberikan tiga belas anak unta namun Rasulullah SAW tidak sempat memberikan pemberian tersebut kerana wafat.

Abu Juhayfah menyifatkan bahawa Hasan yang merupakan cucu baginda mempunyai ciri-ciri yang sama seperti baginda iaitu rambut yang putih kerana beruban. Menurut Ibn Hajar sifat Nabi SAW yang dinyatakan adalah dari segi fizikal dan juga akhlaknya (Ibn Hajar, 2001). Lafaz (كَانَ) bermaksud rambut yang hitam telah diliputi warna putih. Dalam riwayat lain dinyatakan bahawa tempat beruban adalah pada dagu (janggut) dan ia disokong oleh hadith ‘Abd Allah bin Yasar yang menyebut di antara dagu dan bibir bawah (Ibn Hajar, 2001). Al-Nawawi (1929) dalam sharahnya pula menyatakan ulama bersepakat bahawa yang dimaksudkan dengan kalimah (شَمَطَ) ialah peringkat permulaan beruban.

Jelasnya, pengkaji berpendapat bahawa hadith ini menunjukkan perkaitan di antara rambut putih dan wafatnya Rasulullah SAW. Hal ini memberikan satu petunjuk bahawa setiap individu apabila umurnya sudah berada di penghujung, kematian pun akan semakin hampir kepadanya sebagaimana Rasulullah SAW yang tidak sempat memberikan pemberian yang diperintahkan kerana kewafatan beliau.

Kedua: Hadith yang menyebutkan tentang ciri-ciri air telaga di syurga yang diceritakan oleh Rasulullah SAW iaitu berwarna putih daripada susu.

عَنْ ابْنِ أَبِي مُلَيْكَةَ، قَالَ: قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرُو: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «حَوْضٌ مَسِيرٌ شَهْرٌ، مَاؤُهُ أَيْضُّ مِنَ الْلَّبَنِ...»

Maksudnya: Daripada Ibn Abi Mulaikah berkata: ‘Abd Allah bin ‘Amr berkata: Rasulullah SAW bersabda: Telagaku (lebar dan panjangnya) sejauh perjalanan satu bulan, airnya putih daripada susu... (al-Bukhari, 2000).

Imam al- Bukhari meletakkan hadith ini di bawah bab (بَابُ فِي) (إِنَّا أَعْطَيْنَاكُمْ) (الْحَوْضَ) dan dikaitkan dengan ayat satu surah al-Kawthar (الْكَوْثَر). Al-Hawd bermaksud tempat terkumpulnya air yang membawa maksud telaga. Menurut Ibn Hajar (2001). Hadith ini menerangkan sifat-sifat telaga Rasulullah SAW iaitu luasnya sejauh perjalanan sebulan, airnya putih daripada susu, baunya sangat wangi seperti kasturi, gelas-gelasnya sejumlah bintang-bintang dan tidak akan merasa haus selama-lamanya jika meminumnya. Dari aspek warna sebagai fokus kajian, warna putih yang dinyatakan adalah airnya putih daripada susu. Ibn Hajar (2001) memetik pandangan al-Maziri yang menyebut pandangan ulama Nahu bahawa sepatutnya dikatakan “أشدُّ بَيَاضًا” (sangat putih) dan bukannya “أَيْضُّ” (putih daripada susu). Sebahagian mereka berpendapat kemungkinan hal ini terjadi kerana pertukaran lafaz dalam kalangan perawi (tasarruf al-Ruwat) di mana dalam riwayat Abu Dhar di sisi Muslim menggunakan lafaz “أشدُّ بَيَاضًا مِنَ الْلَّبَنِ” (sangat putih daripada susu)”.

Taburan Hadith-Hadith Warna Putih Dalam Al-Kutub Al-Sittah

Jadual 3: Taburan Hadith Warna Putih dan Kaitannya Dengan Cahaya, Haiwan, Pakaian, Rambut dan Air

Bil	Tema Warna	Matan Hadith	Hadith Dalam al-Kutub al-Sittah					
			B	M	AD	T	N	IM
1	Cahaya	وفي حديث عَدِيٌّ بْنِ حَاتَمٍ عن آية [[البقرة: 187]], قال: "عَمِدْتُ إِلَى عِقالِ أَسْوَدَ، وَإِلَى عِقالِ أَيْيَضَ، فَجَعَلْتُهُمَا تَحْتَ وَسَادَتِي...". الحديث.	2	1	1	1		
2		"...وَمَا كَانَ مِنْهَا إِلَى الظَّلِّ كَانَ أَيْيَضَ"	1	1				
3	Haiwan	وفي حديث شق البطن، قال: «أَيْتَنَا أَنَا عِنْدَ الْبَيْتِ... وَأَتَيْتُ بِدَائِيَةً أَيْيَضَ»	2	1				
4		وفي حديث يأجوج وما جور، قال: «مَا أَثْنَمْ فِي النَّاسِ إِلَّا كَالشَّعْرَةَ السُّودَاءَ فِي جَلْدِ ثُورٍ أَيْيَضَ، أَوْ كَشَعْرَةَ بَيْضَاءَ فِي جَلْدِ ثُورٍ أَسْوَدَ»	2	1				
5	Pakaian	عَنْ يَحْيَى بْنِ يَعْمَرَ، حَدَّثَنَا أَنَّ أَبَا الْأَسْوَدِ الدُّؤْلَى حَدَّثَهُ: أَنَّ أَبَا ذَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَدَّثَهُ قَالَ: أَيْتُ الَّذِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ تَوْبَ أَيْيَضُ، وَهُوَ نَاجِمٌ، لَمْ أَتِيهِ وَقَدْ اسْتِيقَطَ	1	1				

6	Warna Rambut	وفي حديث أبي حُجَّةَ، قال: "كَانَ أَيْضًا، قَدْ شَمِطَ"	1	1			1		
7	Warna susu	وفي حديث الحوض عن أبِنِ أَبِي مُلِيقَةَ، قَالَ: «حُكُومُنِي مَسِيرًا شَهْرٍ، مَا وَدَهُ أَيْضًا مِنَ الْلَّذِينَ»	1	1					

Singkatan abjad: B (al-Bukhari), M (Muslim), AD (Abu Dawud), T (al-Tirmidhi), N (al-Nasa'i), dan IM (Ibnu Majah).

Perbincangan Mengenai Warna Putih Yang Terdapat Dalam Hadith

Berdasarkan kepada hasil penelitian terhadap hadith-hadith yang menyebut tentang warna putih, pengkaji telah mengenalpasti bahawa warna putih dikaitkan dengan lima aspek iaitu cahaya, haiwan, pakaian, rambut dan susu.

Pertama: Dari aspek cahaya, disebutkan dua perkara iaitu cahaya waktu siang atau fajar yang diibaratkan dengan benang putih. Disebutkan juga mengenai 'iqal ataupun tali putih berdasarkan situasi yang berlaku dalam hadith yang pertama. Selain itu, cahaya dalam hadith juga berkaitan dengan tumbuhan yang berwarna putih jika berada di bawah teduhan cahaya matahari. Frasa ini juga merupakan ibarat kepada keadaan ahli-ahli neraka yang dikeluarkan Allah dari tempat tersebut setelah mengalami beberapa proses sebagaimana yang diceritakan dalam hadith.

Kedua: Dari aspek haiwan, istilah yang digunakan dalam hadith adalah (ثُورٌ أَيْضًا) dan (بِدَائَةٍ أَيْضًا) yang bermaksud *haiwan tunggangan putih* dan *sapi jantan putih*. Haiwan tunggangan putih berkaitan dengan penjelasan peristiwa Isra' Mi'raj manakala sapi jantan putih merupakan ibarat daripada lafadz (كَالشَّعْرَةِ السُّوْدَاءِ فِي جَلْدِ ثُورٍ أَيْضًا) iaitu seperti bulu hitam pada sapi jantan putih di mana Rasulullah SAW mengumpamakan umat Islam yang akan masuk neraka sepetimana ibarat tersebut.

Ketiga: Dari aspek pakaian, terdapat satu istilah yang digunakan iaitu (ثُوبٌ أَيْضًا) yang bermaksud *pakaian putih*. **Keempat:** Dari aspek warna rambut, istilah yang digunakan ialah (كَانَ أَيْضًا قَدْ شَمِطَ) yang bermaksud

berambut putih kerana berurban yang menjelaskan rambut Rasulullah SAW yang berwarna putih kerana uban. **Kelima:** Dari aspek warna susu pula menggunakan istilah (أَيْضُّ مِنَ الْبَنِ,) yang bermaksud *putih daripada susu*. Ia merupakan salah satu ciri-ciri yang terdapat di dalam telaga al-Kauthar.

KESIMPULAN

Kekuasaan dalam penciptaan alam dan isinya menunjukkan Maha Bijaksana Allah dalam ilmu-Nya. Ternyata Allah mampu menjadikan alam ini dengan keindahan warna yang pelbagai, menunjukkan kreativiti dan kehebatan Pencipta. Sesungguhnya pada warna-warna tersebut terdapat rahsia kebesaran Allah s.w.t bagi mereka yang ingin mengambil pelajaran. Malah tidak dapat disangkal lagi, warna memberi kesan kepada manusia. Warna berupaya mengubah citarasa seseorang, mempengaruhi cara pandang seseorang, menceriakan ruang, menutupi keketidaksempurnaan dan mewujudkan suasana atau kenyamanan yang unik untuk semua orang. Warna adalah cara yang paling pantas dan paling kuat untuk menghadirkan transformasi dan melahirkan perspektif-perspektif baru. Warna adalah salah satu inspirasi paling berharga yang manusia boleh perolehi.

Justeru menerusi kajian warna putih, pelbagai petunjuk dan manfaat yang diperolehi. Antaranya terdapat dua belas ayat yang membicarakan aspek warna ini. Secara khusus ia membincangkan tema seperti berikut cahaya siang, warna muka orang mukmin di Hari Kiamat, penyakit mata, mukjizat Nabi Musa a.s., warna gunung, warna minuman syurga dan sifat wanita syurga. Sementara melalui al-Kutub al-Sittah, sebanyak tujuh hadith ditemui. Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dikemukakan, warna putih di dalam hadith menfokuskan kepada beberapa tema iaitu cahaya, haiwan, pakaian, rambut dan susu. Perbincangan terhadap warna ini hanya tertumpu kepada tujuh hadith (tidak termasuk hadith yang berulang walaupun berbeza lafadz) yang mencakupi kelima-lima aspek tersebut. Selain membicarakan mengenai warna secara zahir, ia turut melibatkan perbahasan yang menyentuh isu-isu tertentu. Secara keseluruhannya, warna putih yang disebutkan ada kaitannya dengan sesuatu hukum, nikmat dan ciri-ciri semulajadi yang diinterpretasikan perbincangannya dalam hadith.

Penghargaan

Kajian ini mendapat peruntukan dana penyelidikan dari geran penyelidikan Universiti Malaya iaitu UMRG RG216-11HNE.

Rujukan:

- Al-Quran al-Karim, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran, (2001). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdushshamad, M. Kamil. *Mukjizat Ilmiah dalam al-Quran*, Terbitan Akbar Media Eka Sarana.
- Al-'Ayni, al-Imam al-Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad (2001). *'Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Allamah, Abi al-Tayyib Muhammad Shams a-Haq al-'Azim Abadi (1968), *'Awn al- Ma'bud Sharh Sunan Abu Dawud Ma'a Sharh al-Hafiz Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah*, ditahqiqkan oleh 'Abd al-Rahman Muhammad 'Uthman, Muhammad 'Abd al-Muhsin: Sahib al-Maktabah al-Salafiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah.
- Al-Andalusi, 'Abd al-Haqq bin Ghalib bin 'Atiyyah (2001). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, j. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Muhy al-Din Yahya bin Sharf, (1929). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim Bi Sharh al-Nawawi*, al-Matba'ah al-Misriah bi al-Azhar.
- al-Naysaburi, Abi 'Abd Allah al-Hakim (1997). *al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn*, Kaherah: Dar al-Haramayn li al-Taba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Qurtubi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansari (t.th.). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, juz. 3.Tahqiq: 'Imad Zaki al-Barudi dan Khawri Sa'id, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Shanqiti, Muhammad al-Amin bin Muhammad al-Mukhtar al-Jakani (2008). *Adwa' al-Bayan fi Idah al-Qur'an bi al-Qur'an*, j. 6, Jeddah: Majma' al-Fiqh al-Islami.
- al-Shaykh, Salih bin 'Abd al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim 'Ali (2000). *Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, al-Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (1968). *Jami' al-Bayan 'an ta'wil al-Qur'an*, cet. 3, jil. 20, Mesir: Sharikah Maktabah wa Tab ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.

- Al-Zamakhshari (t.th.). *Al-Kashshaf ‘an Haqaiq Ghawamid al-Tanzil wa ‘Uyun al-Aqawil fi Wujuh al-Ta’wil*, j. 3, Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- al-Zuhayli, Wahbah (1998). *al-Tafsir al-munir fi al-‘aqidah wa al-shari‘ah wa al-manhaj*, cet. 2, juz. 13, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.
- Brian P. Meier, Michael D. Robinson & Gerald L. Clore (2004). Why Good Guys Wear White : Automatic Inferences About Stimulus Valence Based on Brightness, *Psychological Science*, Volume 15, no. 2, 82–87, February 2004. doi: 10.1111/j.0963-7214.2004.01502002.x.
- Eliade, M. (1996). *Patterns in comparative religion*, Lincoln: University of Nebraska Press.
- Hutchings, J. (2004). Colour in folklore and tradition-The principles. Journal of *Color Research & Application*, Volume 29, Issue 1, pages 57–66. February 2004. doi: 10.1002/col.10212.
- Ibn Hajar, Abu Fadl Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-‘Asqalani (2001). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi ‘Abd Allah Muhammad Isma‘il al-Bukhari*, ditahqiqkan oleh ‘Abd al-Qadir Saybah al-Hamad, al-Riyad: Sahib al-Sammi al-Maliki al-Amir Sultan bin ‘Abd al-‘Aziz Ali Sa‘ud.
- Ibn Kathir, ‘Imad al-Din, Abu al-Fida’, Isma‘il al-Qurshiyyi al-Dimashqi (2002). *Tafsir al-Qur‘an al-‘Azim*, , jil. 8, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Kamus Dewan* (Edisi 3). (1994). Cet. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kwallek, N., Lewis. C. M., Lin-Hsiao. J. W. D. & Woodson. H. (1996). Effects of Nine Monochromatic Office Interior Colors on Clerical Tasks and Worker Mood, journal of *Color Research and Application*. Volume 21, Issue 6, 448-458. doi: 10.1002/(SICI)1520-6378(199612)21:6<448::AID-COL7>3.0.CO;2-W.
- Lashin, Musa Shahin (2002). *Fath al-Mun‘im Sharh Sahih Muslim*, Kaherah: Dar al-Shuruq.
- McGraw-Hill Dictionary of Scientific and Technical Terms* (2003). Ed. ke-6, USA: The Mc Graw-Hill Company.
- Sherman, G. D. & Clore, G. L. (2009). The Color of Sin : White and Black Are Perceptual Symbols of Moral Purity and Pollution, *Psychological Science* ,Volume 20 no. 8, 1019-1025, August 2009. doi: 10.1111/j.1467-9280.2009.02403.x.

About the Authors:

Monika @ Munirah Abd Razzak: Pensyarah Kanan, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam UM, KL, Emel: munirahar@um.edu.my

Nik Mohd Zaim Ab Rahim: Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur, Emel: nmzaim@ic.utm.my

Nur Asilah Ibrahim: Pelajar Master, Jabatan al-Quran and al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, UM, KL. Emel: syilah_77@yahoo.com

Khadher Ahmad: Pensyarah Kanan, Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam UM, KL. Emel: khadher82@um.edu.my